

SEJARAH KEJURURAWATAN DARI PERSPEKTIF ISLAM: SATU KAJIAN PERPUSTAKAN
HISTORY OF NURSING FROM AN ISLAMIC PERSPECTIVE: A LIBRARY STUDYMohamad Firdaus Mohamad Ismail^{1*}, Norazmi Anas², Siti Zuhaidah Shahadan³¹ Pensyarah Kanan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, firdausismail@iiium.edu.my² Pensyarah Kanan, Universiti Teknologi MARA, ustazazmi84@gmail.com.³ Pensyarah Kanan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia, sitizuhaidah@iiium.edu.my

*Penulis Penghubung

Artikel diterima: 10 Oktober 2021

Selepas Pembetulan: 07 November 2021

Diterima untuk terbit: 27 November 2021

Abstrak

Kerjaya kejururawatan adalah kerjaya yang mulia yang diibaratkan sebagai nadi dalam dunia perubatan. Tanpa kewujudan dan peranan jururawat di dunia, khususnya di hospital, maka lumpuhlah sistem kesihatan. Sejarah kejururawatan banyak dipengaruhi oleh falsafah Barat dan amat sukar dilihat roh Islam dalam aspek berkenaan. Oleh itu, objektif kajian ini akan mengisi kelompongan tersebut dengan penerokaan elemen kejururawatan dalam sejarah Islam. Kajian perpustakaan digunakan bagi mendapatkan informasi dengan pendekatan analisa kandungan secara deskriptif, analitik dan tematik. Hasil kajian mendapati bahawa elemen kejururawatan seperti membantu aktiviti harian pesakit dan mengurangkan kesengsaraan pesakit telah lama diamalkan sejak zaman kenabian lagi, meskipun mereka tidak digelar sebagai jururawat pada masa tersebut. Ramai tokoh kejururawatan Muslim muncul ketika zaman Nabi Muhammad diangkat sebagai Rasul. Rufaidah Saad al-Aslami merupakan tokoh kejururawatan Muslim yang banyak membuat pembaharuan dalam perawatan pesakit sehinggakan dunia Barat turut mengambil inspirasi dan iktibar daripada perjalanan karier beliau. Maka, dapatan kajian ini diharap mampu membuka mata masyarakat bahawa sejarah Islam telah banyak menyumbang dalam evolusi kejururawatan sejak zaman dahulu sehingga zaman moden ini. Dengan penerapan sejarah Islam dalam kejururawatan, jururawat Muslim akan lebih yakin dan menghargai amalan kejururawatan sebagai *wasilah* mencari redha Allah.

Kata kunci

jururawat, Islam, sejarah, Rufaidah, kesihatan

Abstract

The nursing career is a glorious career that is likened to the lifeblood of the medical world. Without the existence and role of nurses in the world, especially in hospitals, then the health system is paralyzed. The history of nursing is heavily influenced by Western philosophy and it is very difficult to see the spirit of Islam in that aspect. Therefore, the objective of this study will be to fill the void with an exploration of the elements of nursing in Islamic history. Library research is used to obtain information with a descriptive, analytical and thematic content analysis approach. The results of the study found that elements of nursing such as helping patients' daily activities and reducing patients' suffering have long been practiced since prophetic times, even though they were not called nurses at the time. Many Muslim nursing figures emerged during the time of the Prophet Muhammad as a Messenger. Rufaidah Saad al-Aslami is a Muslim nursing figure

who has made many innovations in patient care so that the Western world has also taken inspiration and lessons from her career journey. Therefore, the findings of this study are expected to open the eyes of society that the history of Islam has contributed a lot in the evolution of nursing from ancient times to modern times. With the application of Islamic history in nursing, Muslim nurses will be more confident and appreciate the practice of nursing as a wasilah to seek the pleasure of Allah.

Keywords

nurses, Islam, history, Rufaidah, health

1.0 Pendahuluan

Sejak tamadun purba lagi, kejururawatan adalah sebahagian daripada profesion terpenting dalam bidang kesihatan. Menurut Patricia dalam buku yang berjudul *Nursing The Finest Art: An Illustrated History* menyatakan bahawa tamadun-tamadun purba seperti Mesir, India, China, Greek, dan tamadun pertengahan seperti Rom, mempunyai perbezaan cara dalam amalan kejururawatan (Donahue, 1996). Evolusi pembangunan kejururawatan tidak terhenti pada zaman itu, tetapi terus berkembang sehingga pada zaman moden kini.

Kemunculan profesion kejururawatan dikesan seawal fasa pembangunan sosial dan perubatan yang berlaku dalam tamadun purba. Pada permulaan fasa pembangunan sosial, jurang tugas antara lelaki dan wanita telah diperkenalkan. Khusus untuk wanita yang hidup ketika itu, peranan mereka dalam penjagaan anak dan bayi diiktiraf kerana sifat semulajadi wanita yang mempunyai naluri keibuan, penyayang dan sabar (Wyatt, 2019). Walaupun pada zaman tersebut mereka tidak dipanggil sebagai jururawat, tetapi rutin yang telah dizahirkan dalam penjagaan anak dan bayi itu sedikit sebanyak telah mencerminkan sebahagian daripada amalan kejururawatan. Maka, tidak lah pelik apabila ada sebahagian kamus mendefinisikan jururawat sebagai penjaga anak dan pengasuh (*Dictionary.Com*, n.d.).

2.0 Era Kristian

Perkembangan kejururawatan semakin menarik apabila tokoh-tokoh penting masyarakat menceburi dunia kejururawatan dan sumbangan kejururawatan kepada masyarakat semakin dikenali ramai. Abad pertama dikenali sebagai tempoh awal perkembangan agama Kristian. Pada fasa ini, kejururawatan berkembang menjadi semakin profesional. Perkembangan ini selari dengan ajaran Kristian yang menekankan aspek perawatan dalam salah satu pesanan Jesus di dalam Perjanjian Baru. Pesanan tersebut menyatakan bahawa sesiapa yang menjaga dan memberikan perawatan kepada orang yang sakit akan dikurniakan pahala oleh Jesus (Burkhardt & Nathaniel, 2008; Wyatt, 2019). Pada fasa tersebut, majoriti wanita yang berkhidmat di gereja (*deaconess*) adalah wanita yang dihormati di dalam masyarakat. Apabila pesanan Jesus ini diberikan keutamaan, *deaconess* tersebut telah membuka ruang khas di dalam gereja untuk memberikan rawatan dan penjagaan kepada pesakit. Keadaan ini telah menyebabkan martabat kejururawatan dihormati dan disegani. Sejarah telah merekodkan *deaconess* wanita yang pertama pada waktu ini adalah, Phoebe, dan dikenali sebagai jururawat masyarakat yang pertama (Harmon et al., 2016).

3.0 Era Florence Nightingale

Pada abad ke-18, Perang Krimea (1853-1856) telah meletus antara Rusia dan gabungan antara Perancis, Britain, Khilafah Turki Uthmaniyyah dan Sardinia. Perang ini mempunyai misi bagi mempertahankan hak minoriti Kristian di Tanah Suci (Sklyarova & Kamalova, 2020). Ketika perang melanda, kebajikan dan kesihatan tentera sangat terabai seperti tiada diet yang bersesuaian, pengurusan sanitasi yang lemah dan banyak tentera yang mati akibat tiada perawatan yang sempurna. Atas dasar rasa tanggungjawab, Florence Nightingale dan pasukannya telah bermukim di kawasan perang untuk menawarkan penjagaan kejururawatan kepada para tentera yang cedera. Lantaran khidmat yang efisien diberikan, kadar kematian telah menurun dengan mendadak kepada dua peratus sahaja berbanding kadar kematian sebelum itu yang mencecah empat puluh peratus. Keadaan ini sekaligus melonjakkan lagi imej dan profesionalism kejururawatan di seluruh dunia (Helmstadter, 2019).

4.0 Sejarah Islam Yang Berkait Dengan Kejururawatan

Dalam ruangan ini, penyelidik akan meneliti setiap buku-buku sirah dan artikel berkaitan bagi mengenal pasti sirah dan kisah yang mengandungi elemen kejururawatan. Secara ringkasnya, penyelidik menemukan lapan tokoh utama yang berkaitan dengan kejururawatan sepanjang tempoh kehidupan mereka seperti yang dilampirkan dalam Rajah 1.

Rajah 1: Indeks Sejarah Islam Berkait Dengan Kejururawatan

Indeks Sejarah Islam Berkait Dengan Kejururawatan			
No	Nama Tokoh	Amalan	Tema Kejururawatan
1	Hajar dan anaknya	<ul style="list-style-type: none"> • Simpati dan empati kepada 'pesakit' • Memastikan 'pesakit' mendapat air untuk meneruskan kehidupan 	<ul style="list-style-type: none"> • Nilai murni kejururawatan • Memulihkan kesihatan
2	Rahmah: Isteri Nabi Ayyub	<ul style="list-style-type: none"> • Simpati dan empati kepada 'pesakit' • Menguruskan keperluan 'pesakit' • Menaburkan abu di tempat tidur 'pesakit' 	<ul style="list-style-type: none"> • Nilai murni kejururawatan • Membantu ADL asas • Mengurangkan penderitaan
3	Uzair dan wanita tua	<ul style="list-style-type: none"> • Ambil berat keadaan 'pesakit' • Mengusap mata 'pesakit' 	<ul style="list-style-type: none"> • Nilai murni kejururawatan • Sentuhan terapeutik
4	Halimah as- Sa'diyah	<ul style="list-style-type: none"> • Menjaga bayi • Menguruskan keperluan 'pesakit' 	<ul style="list-style-type: none"> • Jururawat neonatal • Membantu ADL asas
5	Nasibah binti Ka'ab	<ul style="list-style-type: none"> • Merawat tentera Islam yang tercedera • Memindahkan tentera yang syahid ke luar dari medan perang • Memastikan tentera Islam mendapat bekalan air secukupnya 	<ul style="list-style-type: none"> • Memulihkan kesihatan • Jururawat perang • Membantu ADL asas
6	Umayyah binti Abu Qais	<ul style="list-style-type: none"> • Merawat tentera yang cedera • Memastikan tentera Islam mendapat bekalan air secukupnya 	<ul style="list-style-type: none"> • Memulihkan kesihatan • Membantu ADL asas
7	Ummu Sinan al-Aslamiyah	<ul style="list-style-type: none"> • Merawat tentera yang cedera • Memastikan tentera Islam mendapat bekalan air secukupnya 	<ul style="list-style-type: none"> • Memulihkan kesihatan • Membantu ADL asas
8	Rufaidah al-Aslami	<ul style="list-style-type: none"> • Merawat tentera yang cedera • Membersihkan persekitaran tempat rawatan 	<ul style="list-style-type: none"> • Memulihkan kesihatan • Mencegah jangkitan kuman

Sumber: Analisa Penyelidik

4.1 Hajar dan Anaknya

Perkahwinan antara Nabi Ibrahim dan Hajar dikurniakan zuriat yang dinamakan sebagai Ismail. Seawal kandungan lagi, Sarah telah membibitkan rasa cemburu kepada Hajar kerana memiliki kelebihan mengandungkan zuriat Nabi Ibrahim. Seinggalah kelahiran Ismail, bibit kecemburuan tersebut semakin menebal dan meminta Nabi Ibrahim membawa mereka jauh dari pandangan beliau. Maka bermulalah peristiwa kelangsungan hidup yang mencabar antara Sarah dan anaknya Ismail.

Sarah dan Ismail ditinggalkan di tengah-tengah padang pasir, yang kini dinamakan sebagai Mekah, atas perintah dari Allah. Kisah ini dirakamkan dalam Surah Ibrahim, ayat 37, yang bermaksud: “Ya Tuhan, sesungguhnya aku telah menempatkan sebahagian keturunanku di lembah yang tidak mempunyai tanam-tanaman di dekat rumah Engkau (Baitullah) yang dihormati, ya Tuhan (yang demikian itu) agar mereka melaksanakan solat, maka jadikanlah hati sebahagian manusia cenderung kepada mereka dan berilah mereka rezeki daripada buah-buahan, mudah-mudahan mereka bersyukur.”

Sarah telah menyusukan Ismail sehingga kering susunya. Kedua-duanya telah diuji dengan kehausan yang teramat di tengah-tengah padang pasir. Apabila melihat keadaan Ismail yang kehausan sehingga menghentak-hentakkan kakinya, Sarah bersimpati dan empati terhadap keadaan Ismail. Sarah segera berlari ke arah puncak Bukit Safa untuk mencari air. Beliau hampa kerana tidak menemukan sebarang titisan air pun, maka beliau kembali melintasi lembah dan berlari menuju pula ke Bukit Marwah bagi tujuan yang sama. Akhirnya, Allah telah memukjizatkan kepada Ismail dengan keluarnya air zam-zam di tempat Ismail ditinggalkan (Al-Uairy, 1996; Ibnu Kathir, 2007, 2014).

Sifat simpati dan empati yang dizahirkan Sarah adalah sifat wajib yang perlu ada dalam diri jururawat. Sarah adalah ‘jururawat’ yang berusaha memastikan Ismail mendapatkan keperluannya, iaitu air. Walaupun Sarah juga haus dan letih, tetapi beliau meletakkan kepentingan Ismail, yang boleh dianggap sebagai pesakit dalam konteks ini, melebihi kepentingan peribadinya. Dalam konteks semasa, aktiviti kehidupan seharian (*Activity Daily Living-ADL*), yang sering disebut ADL fizikal atau ADL asas, merangkumi kemahiran asas diperlukan untuk menguruskan keperluan fizikal asas, merangkumi bidang-bidang berikut: kebersihan diri, berpakaian, berinstinjak, ambulasi, dan makan dan minum (Mlinac & Feng, 2016). Sarah cuba menguruskan keperluan fizikal asas Ismail. Tanpa rasa tanggungjawab dan bantuan daripada Sarah, nescaya Ismail akan menderita akibat kehausan dan akan mengalami dehidrasi yang teruk. Sarah telah melakukan semua langkah-langkah penjagaan selari dengan apa yang dinyatakan oleh *American Nurses Association* pada masa kini iaitu jururawat perlu menilai, mendiagnosis, merancang, campur tangan dan menilai penjagaan pesakit sesuai dengan keperluan pesakit (ANA, 2014).

4.2 Rahmah: Isteri Nabi Ayyub

Ibnu Ishaq berkata: Nabi Ayyub adalah seorang lelaki yang berbangsa Romawi. Nama penuhnya adalah Ayyub bin Mush bin Zurah bin al-Aish bin Ishaq bin Ibrahim al-Khalil. Baginda dikurniakan pelbagai kemewahan dan nikmat dunia seperti memiliki harta yang melimpah ruah, haiwan ternakan yang subur, tanah-tanah yang luas di daerah Huran dan anak-anak yang sihat. Isterinya bernama Rahmah binti Afraim. Ada juga pendapat yang mahsyur menamakan Layya binti Minsa sebagai isteri baginda.

Walau bagaimanapun, semua kemewahan tersebut adalah nikmat sementara yang dipinjamkan oleh Allah. Baginda kemudiannya diuji dengan berat melalui kehilangan semua kemewahan tersebut dengan sekelip mata. Seluruh tubuh badan baginda uzur dan tidak mampu melakukan apa jua aktiviti melainkan lisan dan hatinya sentiasa berzikir kepada Allah sepanjang masa. Baginda menderita penyakit kulit yang menyebabkan gatal-gatal, cairan meleleh di kulit dan menjadi kurus kering sehingga

menampakkan tulang baginda. Keadaan baginda dilihat jijik oleh masyarakat ketika itu lalu diusir dan dibuang dari daerahnya. Penderitaan dan kesabaran baginda ini direkodkan dalam al-Qur'an melalui Surah al-Anbiya ayat 83, yang bermaksud: "Dan (ingatlah kisah) Ayub, ketika dia berdoa kepada Tuhannya, "(Ya Tuhanku), sungguh, aku telah ditimpa penyakit, padahal Engkau Tuhan Yang Maha Penyayang dari semua yang penyayang." Menurut pendapat Wahb, baginda diuji selama tiga tahun, Anas pula beranggapan beginda diuji selama tujuh tahun satu bulan, manakala Humaid berpendapat lapan belas tahun. Pada saat itu, tiada seorang pun yang manu mendekati baginda melainkan isteri tercinta iaitu Rahmah (Ibnu Kathir, 2007).

Rahmah berperanan sebagai jururawat yang setia berdampingan dengan Nabi Ayyub dan memberikan perawatan yang terbaik sepanjang baginda diuji kesakitan. Rahmah memastikan semua ADL asas yang diperlukan oleh Nabi Ayyub dipenuhi termasuklah kebersihan diri, berpakaian, berinstinjak, ambulasi, dan makan dan minum (Mlinac & Feng, 2016). Bagi menguruskan pesakit yang terlantar di atas katil (*bedridden patient*) bukanlah satu perkara yang mudah. Tugas tersebut merupakan bebanan yang berat dan memerlukan sokongan dari aspek fizikal, mental dan sosial (Bekdem & Lhan, 2019). Hakikatnya, Rahmah tidak memiliki semua sokongan tersebut. Beliau telah dipulau dan diberhentikan kerja oleh majikannya semata-mata alasan beliau adalah isteri kepada Nabi Ayyub dan khawatir penyakitnya akan menular kepada orang lain. Namun, Rahmah tetap sabar dan fokus dalam memberikan penjagaan dan rawatan kepada baginda (Idayanti et al., 2017). Jika Rahmah tidak sabar dan fokus, nescaya kesihatan baginda akan menjadi lebih teruk dan kritikal. Seperti yang dilaporkan oleh sarjana, penjagaan pesakit yang acuh tak acuh akan menyebabkan risiko pemberian ubat-ubatan yang salah, jangkitan saluran kencing, pesakit akan jatuh, kudis di belakang badan dan lain-lain (Recio-Saucedo et al., 2018). Ringkasnya, Rahmah memberikan perawatan yang terbaik dan tiada komplikasi yang dilaporkan. Malah, Rahmah dilaporkan berusaha mengurangkan kesakitan dan memberikan keselesaan kepada baginda dengan menaburkan abu sebagai alas tidur. Tindakan tersebut juga adalah selari dengan peranan jururawat yang memastikan pesakit dapat dikurangkan kesakitan yang diharungi (ANA Ethics Advisory Board, 2018).

4.3 Uzair dan Wanita Tua

Dalam tempoh masa antara kenabian Nabi Daud dan Nabi Sulaiman, ada seorang lelaki yang dilahirkan ke dunia dengan memiliki beberapa kelebihan antaranya menghafal isi kandungan Taurat dan menyembuhkan penyakit. Ada pendapat yang mengatakan bahwa Uzair adalah seorang nabi dari kalangan Bani Israel (Ibnu Kathir, 2007) dan ada juga pandangan sebaliknya.

Dalam kisah Uzair, Allah memberikan pengajaran secara terus kepada beliau akan kekuasaan Allah terhadap penciptaan sesuatu. Dalam perjalanan pulang selepas penat bekerja di kebun, Uzair singgah berehat disebuah rumah usang. Beliau terlihat tulang-tulang manusia berselerakan di dalam rumah tersebut menandakan rumah tersebut telah lama ditinggalkan. Lantas beliau berfikir dan takjub bagaimana Allah boleh menciptakan semula makhluk yang telah hancur. Ketakjuban tersebut disusuli dengan pengajaran daripada Allah serta merta iaitu malaikat mencabut nyawanya dan dihidupkan semula selepas seratus tahun.

Seratus tahun kemudian (yang dianggap tertidur selama separuh hari oleh Uzair), malaikat telah menjelaskan perkara yang terjadi dan memberikan keyakinan kepada

beliau tentang kekuasaan Allah dalam menghidupkan sesuatu. Keldai yang dinaiki oleh beliau dahulu pun dihidupkan dihadapan matanya dan keajaiban ini direkodkan dalam al-Qur'an, surah al-Baqarah ayat 259, " Dan lihatlah kepada keldai kamu (yang telah menjadi tulang belulang); Kami akan menjadikan kamu tanda kekuasaan Kami bagi manusia; dan lihatlah kepada tulang belulang keldai itu, kemudian Kami menyusunnya kembali, kemudian Kami membalutnya dengan daging". Maka tatkala telah nyata kepadanya (bagaimana Allah menghidupkan yang telah mati) dia pun berkata: "Saya yakin bahwa Allah Maha Kuasa atas segala sesuatu."

Uzair telah pulang ke rumahnya dan menemui wanita tua yang buta dan lumpuh (anaknya yang telah pun berusia 120 tahun). Wanita tersebut ragu-ragu dengan pengenalan diri Uzair kerana mustahil Uzair masih hidup dan memberi peluang kepadanya untuk membuktikan dengan menyembuhkan penyakit butanya. Sebelu itu, Uzair memang sudah dikenali sebagai seorang lelaki yang sangat mengambil berat dan prihatin kepada orang yang sakit. Jika terdengar orang yang sakit, beliau akan segera berdoa dan berusaha menyembuhkannya. Uzair lalu berdoa dan mengusap mata wanita tersebut dan membantunya bangun. Kuasa Allah telah menyembuhkan mata dan kaki wanita tersebut.

Sifat yang ditunjukkan oleh Uzair kepada wanita tersebut adalah ciri-ciri yang wajib diamalkan oleh jururawat. Uzair telah memainkan peranan sebagai 'jururawat' dengan menunjukkan rasa tanggungjawab dan empati kepada warga tua yang sakit. Bukan mudah untuk melayani warga tua jika nilai-nilai yang disebutkan tadi tiada. Empati yang wujud antara jururawat dan warga tua mempunyai keunikan yang tersendiri kerana jururawat akan merasai sendiri proses penuaan tersebut (Teófilo et al., 2019). Mereka turut merasakan sukar akibat kehilangan upaya akibat penuaan. Dalam situasi ini, Uzair telah melayani segala pertanyaan wanita tersebut dan menyembuhkan matanya yang buta dan kakinya yang lumpuh. Menariknya, Uzair telah mengamalkan sentuhan terapeutik (*therapeutic touch*) selepas mendoakan wanita tersebut. Beliau telah mengusap mata wanita tersebut agar diberikan kesembuhan dari Allah. Secara tidak langsung sebenarnya beliau telah berperanan sebagai jururawat yang menenangkan dan memberikan keselesaan kepada pesakit. Kajian membuktikan bahawa sentuhan terapeutik adalah intervensi bukan perubatan dan bukan farmakologi yang mampu menurunkan kegelisahan dan meningkatkan tahap keselesaan warga tua (Yücel et al., 2020).

4.4 Halimah as- Sa'diyah

Nama sebenar beliau ialah Halimah binti Abu Dzu'aib Alias Abdullah bin al-Harits bin Syajanah bin Razam. Beliau telah mengikuti rombongan ke Mekah untuk mencari wanita-wanita yang ingin menawarkan bayi yang baru dilahirkan untuk disusukan. Aktiviti menyusukan bayi oleh wanita-wanita lain adalah adat masyarakat Arab ketika itu. Bahkan, aktiviti tersebut dijadikan sumber pendapatan buat sesetengah orang. Ketika mencari-cari bayi yang ingin disusukan, tiada sesiapa pun yang berhajat menyusukan Nabi Muhammad yang ketika itu masih kecil. Antara alasan yang diberikan adalah baginda merupakan anak yatim. Atas dasar simpati dan empati terhadap nasib baginda, beliau telah menawarkan diri untuk menyusukan baginda tanpa memikirkan sebarang keuntungan. Beliau hanya mahu memastikan bayi tersebut mendapat nutrisi secukupnya dan sihat. Atas pengorbanan tersebut dan izin Allah, proses penjagaan baginda berlaku dengan lancar. Allah mencukupkan rezeki buat Halimah dengan susu badannya yang sentiasa penuh dan haiwan ternakannya juga

memiliki susu yang banyak (Ar-Rawi, 2015). Baginda telah dijaga oleh Halimah lebih kurang empat tahun (Ibnu Kathir, 2010).

Sejak tamadun purba lagi, aktiviti penyusuan bayi sering dikaitkan dengan kejururawatan. Bahkan, jika berpandukan kepada Kamus Etymology, istilah '*nurse*' dirujuk sebagai '*wet nurse*' iaitu ibu susuan yang mula digunakan pada kurun ke-14 yang kemudian dirujuk sebagai 'orang yang menjaga orang yang sakit' pada kurun ke-17 (Online Etymology Dictionary, 2021). Sifat semulajadi wanita yang penyabar dan sayang kepada anak-anak kecil dianggap sebagai kriteria yang sesuai dalam menggalas tugas sebagai ibu susuan. Halimah, ibu susuan baginda, telah memenuhi kriteria sabar dan sayang kepada bayi apabila sanggup menyusukan anak yatim. Beliau juga telah menepati tugas jururawat untuk memastikan ADL asas baginda dipenuhi. Bahkan, dalam situasi tersebut, beliau telah memastikan semua ADL tersebut dilaksanakan kerana sudah pasti bayi yang kecil tidak mampu menguruskan ADL sendiri seperti kebersihan diri, berpakaian, berinstinjak, ambulasi, dan makan dan minum (Mlinac & Feng, 2016).

Dalam konteks semasa, jururawat tidak lah menyusukan bayi menggunakan susu badan sendiri seperti yang dilakukan Halimah. Amalan kini telah berubah, namun jururawat tetap memastikan ADL bayi dipenuhi. Dalam penjagaan bayi di wad neonatal misalnya, jururawat akan menyusukan bayi menggunakan susu badan ibu (*expressed milk*). Asasnya, tugas utama jururawat adalah untuk mencegah penderitaan dan pengabaian bayi di dalam wad tersebut. Bayi tidak boleh membuat keputusan sendiri dan mereka tidak dapat memberitahu jururawat jika mereka sedang dalam kesakitan. Oleh itu, jururawat bertanggungjawab menilai status kesihatan dan mengurangkan tahap kesakitan bayi melalui intervensi farmakologi dan bukan farmakologi (Maher, 2017), yang secara tidak langsung Halimah telah melakukannya sepanjang baginda dalam penjagaannya.

4.5 Nasibah binti Ka'ab

Nama beliau adalah Nasibah binti Ka'ab bin Amr bin Auf bin Mabdzul bin Ghanam dan dikenali dengan panggilan Ummu Umarah. Beliau berasal dari bani Mazin bin an-Najjar dari suku Khazrah. Beliau juga adalah wanita pertama yang berbaiah dengan Rasulullah dalam Baiah Aqabah untuk tegar mempertahankan Islam dan sanggup mati demi Islam. Beliau kerap turun ke medan perang untuk memberikan khidmat perawatan kepada tentera Islam yang tercedera. Antara misi penting yang beliau ikuti adalah perang Uhud, genjatan senjata di Hudaibiyah, Baiah Ridhwan, Umratul Qadha, penaklukan kota Mekah dan perang Hunaian.

Di dalam perang Uhud, beliau memainkan peranan penting untuk merawat tentera Islam yang tercedera, memindahkan tentera yang gugur syahid ke luar dari medan perang dan memastikan tentera Islam mendapat bekalan air secukupnya. Formasi perang terganggu dan kacau bilau seketika apabila tentera Islam diserang hendap oleh musuh. Pada saat ini, Nasibah telah menjadi benteng pertahanan kepada Rasulullah demi mengelakkan baginda tercedera. Akhirnya beliau sendiri cedera parah dan menghentikan pendarahannya dengan menggunakan kain yang dipakainya. Lantaran pengorbanan tersebut, beliau telah dimuliakan oleh Allah melalui doa Rasulullah kepada beliau yang bermaksud : "Ya Allah, jadikanlah mereka teman-teman rapatku di dalam syurga Allah SWT" (Ar-Rawi, 2015).

Penglibatan Nasibah dalam medan perang merupakan sumbangan yang besar kepada Islam. Tatkala tentera Islam berjuang bermatian-matian melawan musuh, beliau juga bertungkus lumus memastikan para tentera dapat dipulihkan dengan segera untuk meneruskan peperangan. Bukan calang-calang orang yang mampu berjuang sebagai jururawat di medan perang kerana banyak cabaran yang perlu ditempuhi antaranya perlu membuat pertimbangan etika yang segera semasa rawatan dan pelaksanaan triage diberikan kepada para tentera yang cedera parah. Jururawat mesti mempunyai kawalan diri yang cukup untuk mengawal situasi berkenaan, jika tidak perawatan akan menemui kegagalan (Lindblad & Sjöström, 2005). Dalam tamadun Islam, Nasibah dianggap sebagai antara jururawat Muslim profesional yang terawal menceburkan diri dalam medan perang. Jika dilihat dari sejarah tamadun Eropah pula, Florence Nightingale diangkat sebagai jururawat profesional setelah mengharumkan profesion kejururawatan dalam Perang Krimean pada tahun 1853 sehingga 1856 (Helmstadter, 2019).

4.6 Umayyah binti Abu Qais

Nama beliau ialah Umayyah binti Abu Qais bin Abu al-Shalt al-Ghifari. Beliau memeluk Islam dan berbaiah kepada Rasulullah setelah berlakunya peristiwa hijrah. Semasa Rasulullah sedang membuat persiapan ke medan perang Khaibar pada awal tahun ketujuh Hijrah, beberapa orang wanita dari suku kaum Ghifari meminta izin kepada baginda untuk turut serta dalam medan peperangan. Mereka menawarkan khidmat merawat tentera yang cedera dan memastikan bekalan makanan dan air mencukupi sepanjang peperangan. Rasulullah telah mengizinkan permintaan mereka dan mereka ditempatkan di posisi belakang para tentera (Ar-Rawi, 2015).

Pengorbanan Umayyah tidak kurang jika dibandingkan dengan tokoh yang dibentangkan sebelum ini iaitu Nasibah binti Ka'ab. Kedua-duanya sanggup berkorban nyawa demi memastikan para tentera sembuh daripada kecederaan. Kecederaan yang tidak dirawat dengan segera akan mengakibatkan pendarahan yang melampau dan jangkitan kuman yang akan membawa maut. Inilah tugas utama jururawat yang ditonjolkan oleh Umayyah, antaranya mempromosikan kesihatan, mencegah penyakit, memulihkan kesihatan dan mengurangkan penderitaan pesakit. Rawatan diberikan kepada semua tanpa dibatasi oleh pertimbangan umur, warna, kepercayaan, budaya, kecacatan atau penyakit, jantina, orientasi seksual, kewarganegaraan, politik, bangsa atau status sosial, selari dengan apa yang digariskan oleh pertubuhan jururawat antarabangsa pada masa kini (International Council of Nurses (ICN), 2012).

4.7 Ummu Sinan al-Aslamiyah

Beliau berasal daripada suku Aslam. Suaminya ialah Hanzalah bin Ali bin al-Asqa' yang juga daripada suku yang sama. Semasa di Madinah, pada tahun ke-7 hijrah, beliau telah meminta izin Rasulullah untuk turut serta dalam perang Khaibar. Beliau menawarkan diri untuk merawat tentera yang cedera dan memastikan keperluan makan dan minum diuruskan. Baginda telah mengizinkan permintaan Ummu Sinan dan beliau bersama dengan isteri baginda, Ummu Salamah, semasa dalam peperangan (Ar-Rawi, 2015).

Perkhidmatan yang ditawarkan oleh Ummu Sinan itu adalah selari dengan tanggungjawab jururawat yang digariskan pada masa kini. Memulihkan kesihatan dan mengurangkan penderitaan tentera yang cedera ketika perang adalah keutamaan kerana jika dibiarkan tanpa dirawat, nescaya ramai tentera yang meninggal dunia dan

pasukan Islam kehilangan sumber manusia. Beliau juga memastikan ADL asas khususnya dalam urusan makan dan minum para tentera diselia dengan baik. Tindakan beliau ini juga selari dengan inisiatif Florence Nightingale dalam Perang Krimea yang mementingkan keperluan asas terus dipelihara (Helmstadter, 2019).

4.8 Rufaidah al-Aslami

Nama beliau adalah Rufaidah binti Sa'ad Al-Bani Aslam Al- Kharaj. Bani Aslam adalah kaum yang mahir dalam selok belok dunia perubatan. Beliau sentiasa membantu ayahnya yang merupakan seorang doktor ketika merawat pesakit. Ketika Islam masuk ke Madinah, beliau telah memeluk Islam dan mengharmonikan penjagaan kejururawatan dengan acuan Islam. Pada masa itu, persekitaran tempat rawatan sangat kotor. Rufaidah telah memastikan kawasan rawatan dalam keadaan bersih selari dengan tuntutan Islam dalam aspek kebersihan. Tradisi perubatan pada waktu itu juga terkenal dengan amalan jampi serapah dan kepercayaan yang karut marut. Rufaidah juga telah menghapuskan semua amalan-amalan yang bertentangan dengan Islam semasa memberikan rawatan kepada pesakit. Banyak lagi kod-kod etika yang diperkenalkan oleh beliau yang melibatkan penjagaan pesakit. Beliau juga telah menubuhkan pusat latihan kejururawatan kepada wanita-wanita yang berminat untuk bergiat dalam penjagaan pesakit (Saputra et al., 2020).

Rufaidah telah turun ke medan peperangan yang berlangsung sekitar tahun 623-630 masihi. Beliau memastikan makan dan minum para tentera dijaga dengan baik. Beliau juga memastikan tentera yang cedera dirawat sehabis baik. Tentera yang cedera akan dirawat di khemah yang dibangunkan oleh beliau. Senario ini juga direkodkan dalam hadis baginda dimana apabila Sa'ad bin Muaz tercedera akibat dipanah oleh pihak musuh, baginda mengarahkan Muaz dirawat di khemah Rufaidah. Lantaran sumbangan yang besar dalam peperangan, beliau telah mendapat penghargaan khusus daripada baginda. Baginda telah memakaikan kalung ke leher Rufaidah dan berwasiat agar beliau dikuburkan bersama kalung tersebut jika telah meninggal dunia (Saputra et al., 2020).

Jika dilihat perjalanan kisah Florence Nightingale, ikon jururawat moden, banyak pembaharuan yang dilakukan beliau seolah-olah telah mengambil inspirasi daripada inisiatif Rufaidah dalam perawatan. Dalam perang Krimea, Florence telah menitik beratkan aspek kebersihan dalam perawatan dan hasilnya kematian tentera dapat dikurangkan. Beliau juga telah merawat tentera yang cedera di kem-kem bersama pasukannya. Atas jasa beliau dalam peperangan tersebut, Florence telah dianugerahkan anugerah '*Order of Virtue*' daripada Khalifah Turki Uthmaniyyah iaitu Sultan AbdulMejid pada tahun 1856 (Dinc & Naderi, 2013). Daripada perjalanan sejarah Florence ini, maka bolehlah dianggap beliau adalah cerminan Rufaidah versi moden.

5.0 Kesimpulan

Profesion kejururawatan banyak bersandar kepada dunia Barat terutamanya dari aspek sejarah. Apabila ilmu ini didominasi mengikut acuan konvensional, jururawat Muslim khususnya mengalami kesukaran untuk menghayati kerjaya ini sebagai kerjaya yang patuh *shari'ah* dan diredhai oleh Allah. Oleh itu, hasil kajian perpustakaan ini berjaya memberikan perspektif berbeza dengan mengintegrasikan sejarah Islam dalam amalan kejururawatan. Islamisasi ilmu ini diharapkan dapat memberikan sinar kepada jururawat Muslim untuk bersemangat menjadikan kerjaya ini sebagai sunnah nabi

dalam merawat pesakit dan memastikan setiap tindakan dalam perawatan adalah dalam kerangka *Maqasid Shari'ah*.

Rujukan

- Al-Usairy, A. (1996). *Sejarah Islam Sejak Zaman Nabi Adam Hingga Abad XX*. Akbar Media.
- ANA. (2014). The Code of Ethics for Nurses with Interpretive Statements. In *American Nurses Association*.
- ANA Ethics Advisory Board. (2018). ANA Position Statement: The Ethical Responsibility to Manage Pain and the Suffering It Causes. *OJIN: The Online Journal of Issues in Nursing*, 24(1).
- Ar-Rawi, U. A. (2015). *Wanita-Wanita Kebanggaan Islam* (p. 73). Akbar Media.
- Bekdem, A., & Lhan, I. R. N. I. (2019). *Predictors of Caregiver Burden in Caregivers of Bedridden Patients*. 27(3), 1–9.
- Burkhardt, M. A., & Nathaniel, A. K. (2008). *Ethics & Issues in Contemporary Nursing* (3rd Ed). Thomson Delmar Learning.
- Dictionary.com*. (n.d.). Online Etymology Dictionary. <http://dictionary.reference.com/browse/ethics?s=t>
- Dinc, G., & Naderi, S. (2013). Florence Nightingale : Light to Illuminate the World from the Woman with the Lantern. *Journal of World Neurosurg*, 79(1), 198–206.
- Donahue, M. P. (1996). *Nursing The Finest Art: An Illustrated History* (N. D. Como (Ed.); Second Ed). Mosby-Year Book, Inc.
- Harmon, K. C., Clark, J. A., Dyck, J. M., & Moran, V. (2016). Issues and Trends in Nursing Education. In *Nurse Educator's Guide to Best Teaching Practice*. Jones & Bartlett Learning. https://doi.org/10.1007/978-3-319-42539-9_1
- Helmstadter, C. (2019). *Beyond Nightingale Nursing on the Crimean War battlefields*. Manchester University Press.
- Ibnu Kathir. (2007). *Kisah Para Nabi dan Rasul*. Pustaka As Sunnah.
- Ibnu Kathir. (2010). *Sirah Nabi Muhammad*. Pustaka Imam Asy-Syafii.
- Ibnu Kathir. (2014). *Kisah Para Nabi: Kisah 31 Nabi dari Adam Hingga Isa*. Ummul Qura.
- Idayanti, I., Sudiar, N., & Yuhelmi. (2017). Citra Perempuan Dalam Naskah Syair Nabi Allah Ayub (Anonymous) Dalam Perspektif Islam: Kajian Semiotik. *Jurnal Ilmu Budaya*, 13(2), 67–77.
- International Council of Nurses (ICN). (2012). *The ICN Code of Ethics for Nurses (Revised 2012)*. ICN.
- Lindblad, C., & Sjöström, B. (2005). Battlefield emergency care: A study of nurses' perspectives. *Accident and Emergency Nursing*, 13(1), 29–35. <https://doi.org/10.1016/j.aen.2004.10.016>
- Maher, D. (2017). *The nursing role in postoperative care of neonates A qualitative literature review*.
- Mlinac, M. E., & Feng, M. C. (2016). Assessment of Activities of Daily Living, Self-Care, and Independence. *Archives of Clinical Neuropsychology*, 31(6), 506–516. <https://doi.org/10.1093/arclin/acw049>
- Online Etymology Dictionary. (2021). *Word Origin and History of Nurse*. Douglas Herper. dictionary.reference.com/browse/nurse
- Recio-Saucedo, A., Dall'Ora, C., Maruotti, A., Ball, J., Briggs, J., Meredith, P., Redfern, O. C., Kovacs, C., Prytherch, D., Smith, G. B., & Griffiths, P. (2018). What impact does nursing care left undone have on patient outcomes? Review of the literature. *Journal of Clinical Nursing*, 27(11–12), 2248–2259.

- <https://doi.org/10.1111/jocn.14058>
- Saputra, A. H., Kusdiana, A., & Rahmatillah, T. (2020). Rufaidah Al-Aslamiyah: Perawat Pertama di Dunia Islam (Abad 6-7 M.). *Historia Madania: Jurnal Ilmu Sejarah*, 4(1), 1–30. <https://doi.org/10.15575/hm.v4i1.9184>
- Sklyarova, E. ., & Kamalova, O. . (2020). Crimean War: Medical and Social Characteristics and Consequences. *Science Almanac of Black Sea Region Countries*, 24(4), 82–89. <https://doi.org/10.23947/2414-1143-2020-24-4-82-89>
- Teófilo, T. J. S., Veras, R. F. S., Silva, V. A., Cunha, N. M., Oliveira, J. dos S., & Vasconcelos, S. C. (2019). Empathy in the nurse–patient relationship in geriatric care: An integrative review. *Nursing Ethics*, 26(6), 1585–1600. <https://doi.org/10.1177/0969733018787228>
- Wyatt, L. (2019). *A history of nursing*. Amberley Publishing Limited.
- Yücel, Ş. Ç., Arslan, G. G., & Bağcı, H. (2020). Effects of Hand Massage and Therapeutic Touch on Comfort and Anxiety Living in a Nursing Home in Turkey: A Randomized Controlled Trial. *Journal of Religion and Health*, 59(1), 351–364. <https://doi.org/10.1007/s10943-019-00813-x>